

KEM “SOFT SKILLS AND LEADERSHIP DEVELOPMENT” BANTU PELAJAR DARI DUA NEGARA

Selaras dengan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Thaksin pada 18 Mac 2007 yang lalu, satu kem “**SOFT SKILLS AND LEADERSHIP DEVELOPMENT**” yang melibatkan penyertaan seramai 40 pelajar dari kedua-dua universiti telah dianjurkan.

Kem yang berlangsung selama tiga hari itu menekankan kepentingan bahasa Inggeris dan soft skills seperti karekter, etika, sikap, membuat keputusan dan menghadapi tekanan.

Kem ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dari kedua-dua universiti supaya dapat mempersiapkan diri apabila melangkah keluar dari universiti selepas tamat pengajian mereka nanti.

Menurut Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UniMAP dalam ucapan penutup berkata, “*Kecekapan anda ditempat kerja bergantung kepada soft skills anda dan ianya akan mencorak kebolehan teknikal anda*”

Menurut kajian yang dijalankan, soft skills adalah jauh lebih penting daripada kemahiran teknikal untuk mencapai kemuncak kejayaan dalam kerjaya katanya.

Beliau juga berharap bahawa kem intensif ini dapat menolong pelajar unuk membina soft skill dan kepetahan serta kecekapan dalam menggunakan bahasa Inggeris.

Selepas penganjuran di UniMAP, kem ini akan dianjurkan di Universiti Thaksin dalam masa yang terdekat ini.